


Media Title : Kosmo
Headline : Pelajar PhD rugi lebih RM847,000 ditipu phone scam
Date : 31 August 2025
Section : Negara!
Page : 5



Pelajar PhD rugi lebih RM847,000 ditipu phone scam

GEORGE TOWN – Seorang pelajar ijazah Doktor Falsafah (PhD) warga China di sebuah universiti tempatan kerugian RM847,000 selepas terperdaya dengan sindiket penipuan telefon atau phone scam yang menyamar sebagai pegawai keselamatan dari negaranya.

Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Azizee Ismail berkata, Bahagian Siasatan Jenayah Komersial Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Timur Laut menerima laporan



berhubung kejadian itu semalam.

Menurut beliau, mangsa berusia 29 tahun itu meneri-

ma panggilan pada 4 Ogos lalu daripada seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai pegawai Biro Keselamatan Awam Shanghai.

"Suspek mendakwa terdapat bungkusan dihantar dari Malaysia ke China yang menggunakan nama mangsa mengandungi kad pengenalan, kad kredit dan buku cek. Dokumen itu kononnya telah ditahan pihak polis Shanghai.

"Mangsa kemudian disambungkan kepada seorang lagi

individu yang mengaku pegawai Biro Keselamatan Awam Hong An. Suspek itu pula memberitahu akaun bank mangsa ditisyaki terlibat dengan aktiviti penipuan dalam talian di China," katanya di sini semalam.

Azizee berkata, suspek seterusnya mengarahkan mangsa membuat pindahan wang ke beberapa akaun bank dan e-dompet yang diberikan atas alasan kononnya untuk tujuan siasatan.

"Sepanjang tempoh 6 hingga 26 Ogos lalu, mangsa telah membuat 30 transaksi melibatkan jumlah keseluruhan RM847,843 ke dalam 11 akaun bank tempatan dan tiga akaun mata wang kripto (USDT).

"Mangsa hanya sedar ditipu selepas memaklumkan perkara itu kepada rakan sekelasnya sebelum tampil membuat laporan," ujarnya.

Kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.